

02 JUL 1996
Mokhtar-ASDI
ASDI UNTUNG RM31 JUTA SEBELUM CUKAI

KUALA TERENGGANU, 2 Julai (Bernama) -- Amanah Saham Darul Iman (ASDI) yang berunsur Islam, telah mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM31.74 juta bagi tempoh enam bulan berakhir 30 April tahun ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata ia mencatatkan kenaikan 125 peratus berbanding RM14.07 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Katanya, keuntungan jualan saham merupakan sumber terbesar pendapatan dan telah menyumbang sebanyak 76.36 peratus daripada keseluruhan perolehan manakala bakinya ialah dividen daripada pasaran wang dan saham syarikat.

Ketika bercakap pada persidangan berita di pejabatnya hari ini, beliau berkata ASDI juga mencatat kenaikan di dalam pendapatan yang boleh diagih berjumlah RM31.43 juta, meningkat kepada 6.7 sen seunit berbanding 2.4 sen seunit dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Katanya sebanyak RM254.35 juta telah dilaburkan membabitkan 58 syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada nilai pasaran berjumlah RM294.02 juta manakala RM230.7 juta dilaburkan dalam pasaran wang setakat 30 April tahun ini.

Wan Mokhtar berkata ASDI akan mengamalkan dasar konservatif dengan menumpukan kepada usaha meningkatkan pelaburan dalam negara terutama dalam BSKL berikutan pergerakan harga yang menggalakkan di bursa saham itu.

Wan Mokhtar juga menjangka ASDI mungkin mengumumkan kenaikan dalam bayaran dividen tahun ini berbanding 10 peratus pada tahun lepas dan menggesa pelabur supaya menambahkan pegangan unit dalam ASDI.

Beliau berkata ASDI telah memperuntukan RM112 juta bagi golongan sasaran daripada kalangan rakyat termiskin kira-kira 30,000 orang di negeri ini untuk melabur dalam ASDI.

Menurutnya sejak ASDI dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt 1994 dengan saiz tabung berjumlah RM500 juta, sebanyak 40,000 individu telah melabur dalam amanah saham itu. -- BERNAMA

IB NMO